

47

~~269~~
~~37/79~~

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PEMANGKU PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN
PRESIDEN UMNO, DALAM MAJLIS PEMBUKAAN
KONVENSYEN UMNO, NEGERI KELANTAN
DI DEWAN MAKTAB SULTAN ISMAIL, KOTA
BHARU PADA HARI JUMAAT, 1HB MAC, 1974
JAM 9.15 PAGI.

Saudara Pengerusi Konvensyen,

Yang Berhormat Mulia,
Tengku Razaleigh Hamzah, Pengerusi,
Perhubungan UMNO,
Negeri Kelantan,

Ahli-Ahli Perhubungan UMNO Negeri,

Saudara-saudara sekalian,

1. Syukur Alhamdulillah kerana pada kali ini saya dapat membuat lawatan ~~ke~~ ke Negeri Kelantan dan ~~di samping itu berpeluang~~ bertemu dengan saudara-saudara untuk meresmikan Konvensyen UMNO negeri Kelantan, pada pagi ini. Saya mengucapkan terimakasih kepada Perhubungan UMNO Negeri yang telah memberi penghormatan kepada saya ~~dan Datn~~ di Majlis ini.

2. Kesempatan yang diberikan kepada saya ini sangatlah berfaedah, oleh sebab, selain daripada bertemu dan berkenal-kenal, dapat pula saya memberikan sesuatu ^{pandangan} ~~pesan~~ yang penting, sesuai dengan kedudukan parti dan Kerajaan pada masa ini dan untuk panduan menuju perkembangan masa depan yang penuh dengan cabaran.

3. Konvensyen UMNO negeri Kelantan ini diadakan dalam latarbelakang yang berlainan daripada Konvensyen UMNO negeri-negeri lain. Kelantan, seperti yang ^{ter} maklum ialah di bawah Kerajaan PAS, yang pada masa dahulu ~~adalah~~ ^{berkonfrontasi dengan} musuh politik ketat kita, tetapi sekarang ia menjadi rakan dalam Kerajaan campuran.

4. Kerajaan campuran ^{amnya} telah berjalan dengan begitu cepat sehingga proses mengubah sikap setengah ahli kita yang begitu ~~tebal~~ ^{kuat} pendiriannya menentang PAS, mengambil masa yang agak lama. Demikian jugalah halnya dengan ahli-ahli PAS terhadap UMNO. Akan tetapi, saya yakin, dengan semangat baru dan dengan bentuk perpaduan yang baru lahir ini, kita akan dapat mengubahsuaikan sikap dan arus perjalanan parti kita, sejajar dengan hasrat dan keinginan rakyat yang mahukan rakyat bersatu, negara makmur, selamat dan sejahtera.

Saudara-saudara sekalian,

5. Tujuan mengadakan Konvensyen, ialah untuk menambahkan kesedaran ahli pada tugas dan tanggungjawab masing-masing terhadap parti, terhadap masyarakat dan terhadap negara. *Kitaw*
Dengan adanya Konvensyen, dapatlah diadakan pertemuan di antara pucuk pimpinan parti dengan ahli-ahli pada peringkat Negeri, Bahagian dan Cawangan supaya kehendak-kehendak dan keperluan parti dapat disalurkan. Demikian juga penjelasan terhadap masalah politik, ekonomi, sosial serta issue-issue yang dibangkitkan dapat diuraikan dengan luas.

6. ... Saya percaya dalam Konvensyen ini saudara-saudara akan dapat membincangkan kertas-kerja yang disediakan khas mengenai perkembangan politik, ekonomi dan lain-lain. Hasil daripada perbincangan ini dapat pula disampaikan oleh saudara-saudara yang telah dipilih sebagai wakil kepada ahli-ahli supaya mereka berada dalam keadaan yang sentiasa jelas dan faham akan seluk beluk perjuangan UMNO dan hubungannya dengan Kerajaan yang memerintah.

7. ... Di samping itu, Konvensyen juga bertujuan untuk meningkatkan keazaman kita pada menghadapi masalah negeri dan negara serta bagaimana pula kita patut menyelesaikannya.

8. Tugas kita yang terpenting sekarang ialah untuk menghadapi pilihanraya kecil Pasir Putih Tengah. Kita tidak gentar menghadapi pilihanraya, kerana dari pengalaman yang lepas, kemenangan Insya Allah di tangan kita. Tetapi, yang kita hadapi ialah anasir-anasir yang meracun fikiran rakyat, dengan kecek dan tipu muslihat yang pandai. Tentangan dari parti lawan berupa cabaran kepada keutuhan parti dan konsep Front Kebangsaan. Oleh itu, saudara-saudara, saya seru supaya mengembeling tenaga dan usaha bagi menghadapi ancaman ini.

8A. Saudara-saudara juga saya minta menggabungkan kekuatan dengan ahli-ahli PAS supaya kita boleh bertindak bersama-sama untuk menghadapi calon parti lawan. Buktikan kepada rakyat Kelantan khasnya, dan rakyat Malaysia amnya bahawa parti kita dan gabungan parti kita dengan PAS tetap mendapat keyakinan dan kepercayaan dari orang ramai. Janganlah hendaknya rakyat tertipu dengan daayah yang palsu yang semata-mata berdasarkan rasa benci terhadap parti kita.

Saudara-saudara sekalian,

9. Kita telah menerima dan mengamalkan konsep Kerajaan Campuran di peringkat pusat dan negeri. Konsep ini telah ditambah dan diperkuatkan lagi dengan terbentuknya Front Kebangsaan di mana parti-parti yang pada satu masa dahulu adalah lawan kita, tetapi sekarang telah menjadi rakan seperjuangan kita dalam usaha mengatasi masalah rakyat dan memenuhi kehendak mereka.

10. Di negeri Kelantan ini, seperti yang telah saya nyatakan, kita berhadapan dengan hakikat bahawa PAS adalah kerajaan yang memerintah negeri ini. Kenyataan ini tidak perlu diragu dan dipersoalkan lagi.

[Dan di bawah konsep Kerajaan Campuran, Parti UMNO dan Perikatan adalah terlibat pada .. memberikan kerjasama untuk menjayakan hasrat ini.] Ini tentulah bertentangan dengan kehendak dan sikap setengah-setengah tokoh UMNO supaya dikembalikan kepada keadaan seperti di masa lepas. Dalam keadaan sekarang, hal ini mustahil berlaku dan kita patutlah patuh kepada keputusan pucuk pimpinan kita. Dengan pegangan inilah, kita teruskan sehingga timbul keadaan yang mengubah dasar itu.

11. ... Berhubung dengan ini, saya menyeru seluruh ahli UMNO supaya mengembeling tenaga, menyusun barisan dengan memberikan sokongan terhadap menjayakan projek-projek rancangan kerajaan supaya dapat terhindar sebarang perasaan permusuhan, pecah-belah dan lain-lain. ~~Dalam pada itu, semasa kita menjadi rakan seperjuangan ini, jengenalah timbul kegiatan untuk mengambil kesempatan politik, dari keadaan sekarang. Kerajaan Campuran dibina atas asas yang kukuh iaitu kita meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan parti. Sejajar dengan langkah ini, hendaklah ditingkat tenaga kerja UMNO/PAS, di peringkat bawah supaya persaudaraan dan perpaduan sentiasa kekal dan erat.~~

Kita mahu, dalam perhitongan jangka panjang tembuk-tembuk parti yang memisahkan rakyat berupa satu keadaan sementara sahaja sedangkan pada hakikatnya rakyat bersatu tujuan, haluan dan cita-cita iaitu untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup.

Saudara-saudara sekalian,

12. ... Pada saat ini, ketika negara memerlukan perpaduan dan persefahaman, kita patutlah menjauhkan diri daripada politik pecah-belah atau politik hasut menghasut kerana perpaduan orang-orang Melayu, adalah penting daripada segala-gala yang lain. Dengan perpaduan sambil berganding bahu dengan rakyat

Malaysia⁴²⁵ lain, bererti bahawa kita dapat menuju arah cita-cita negara dengan lebih mudah kerana kita tidak lagi bertelingkah diantara satu dengan lain mengenai masalah nasional. Kita tahu bahawa dalam semua masalah ada beberapa cara yang boleh diselesaikan, tetapi dengan muafakat, dengan perasaan muhibbah, dengan semangat meletakkan kepentingan negara, di atas kepentingan parti, saya yakin kita akan dapat mengatasi segala sesuatu dengan mudah tanpa banyak persoalan.

13. Satu perkara yang patut kita sedari ialah bahawa parti kita ^{UMNO} makin membesar. Oleh itu, amat penting bagi parti ^{UMNO} kita diperkemas, supaya ia menjadi satu instrument, satu alat yang boleh dipergunakan untuk tujuan-tujuan yang mulia. Parti mesti disesuaikan sebagai alat perjuangan ^{dan} yang penting ~~yang~~ dihadapi .. sekarang ^{ialah} ~~iaitu~~ melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ^{serta} ~~dan~~ untuk menyatupadukan rakyat dan ^{menguatkan} Nasional Front. Ahli-ahli mestilah menyesuaikan sikap dan tindakan kepada keadaan baru iaitu bekerjasama dalam satu ikatan yang "broad-based", terdiri dari parti yang dahulunya lawan kita. Ini satu proses dalam perkembangan politik yang mesti berlaku, ~~menemui pasang surut.~~

Personaliti kita juga mesti digabungkan dalam satu gabungan personaliti yang lebih luas. Kita terpaksa cuba menerima semua pendapat dan pandangan dari teman-teman tanpa melepaskan landasan-landasan yang pokok dari perjuangan kita.

Saudara-saudara sekalian,

14. Berkisar kepada persoalan lain yang juga menghadapi negara ialah mengenai keputusan Persidangan Ketua-ketua Negara Islam baru-baru ini yang memutuskan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada sidang Menteri-menteri Luar Negara Islam dalam bulan Mei, akan datang. Keputusan ini adalah satu penghormatan yang tinggi kepada Malaysia, mengangkat lagi darjat negara kita sebagai sebuah negara yang tegas

membela dan memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat yang tertindas.

15. Kita telahpun menjadi anggota aktif dari negara-negara berkecuali (non-aligned). Dan sekarang, kita bersyukur kerana dapat pula kita menjadi negara terkemuka dari satu force, atau satu tenaga baru iaitu negara-negara Islam yang hendak merebut kembali Wilayah-wilayah Arab dari tangan Israel. Bukan itu sahaja. Malaysia turut memainkan ^{peranan} dalam usaha meninggikan darjat Islam dan perpaduannya. Dengan lain-lain perkataan, kita memainkan peranan penting dalam politik antarabangsa, terutama sekali perkembangan yang berlaku dalam block dunia yang ketiga dan keempat - the third world and the fourth world.

16. Selain dari itu, saudara-saudara, patut jugalah saya mengulas mengenai kedudukan keselamatan negara dan hubungannya dengan ancaman kominis. Kita tidak menafikan tentang adanya ancaman pengganas kominis ini tetapi kita sentiasa yakin bahawa ini adalah satu perkembangan sementara yang bolih kita hadapi dengan kekuatan dan kemampuan kita.

17. .. Parti kominis kononnya melancarkan peperangan pembebasan di negara ini, tetapi menimbang bahawa kita telah merdeka dan Malaysia merupakan sebuah negara yang tegas menentang penjajahan dalam segala bentuk, seperti yang kita sering suarakan di Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain tempat,

Slogan "War of Liberation" itu tidaklah bererti sama sekali. Ia hanya sedap disebut sahaja.

18. Pada zaman British dulu, parti komunis dan Chin Peng memperjuangkan "war of independence". Sekarang dilancarkan pula perang pembebasan. Negara kita bebas merdeka dan buktinya jelas bahawa kita tidak terikat kepada mana-mana block, tidak menjadi "client-state" kepada mana-mana kuasa pun. Contohnya, seperti disebutkan tadi, kita mengambil peranan yang aktif dan tegas dan ^{dan} negara-negara berkecuali dan juga negara-negara Islam. Dalam negeri pula, perkembangan dan proses demokrasi masih tetap subur dan sihat.

Tidak siapa yang bolih menapikan hakikat ini, kecuali gulungan kominis itu sahaja.

Saudara-saudara sekalian,

19. .. Masaalah besar yang menghadapi kita sekarang ialah soal inflasi. Inflasi bolih dibendung tetapi ia tidak bolih dihapuskan sama sekali. Ini ialah sebab ~~ia~~ gejala yang merata diseluruh dunia. Kita beruntung kerana kemajuan ekonomi kita membolehkan kita mengambil langkah-langkah yang dapat mempengaruhi inflasi itu daripada menjadi lebih buruk. Tetapi rakyat mesti bekerjasama dan sabar. Sebarang langkah Kerajaan dalam menghadapi problem ini mestilah disokong kerana tanpa sokongan, problem itu akan bertambah buruk.

20. Dunia sekarang melalui satu masa yang genting dan bagi kita, mahu tidak mahu, ikut terseret dalam arus krisis itu. Saya menyeru rakyat supaya jangan pandai menyalahkan Kerajaan sahaja tanpa berbuat apa-apa dan berpelok tuboh. Kritikilah Kerajaan tetapi dalam pada itu bekerjasamalah dengan langkah-langkah Kerajaan serta tunaikan kewajipan sebagai wargenegara yang bertanggungjawab. Dalam sebuah negara yang membangun, krisis yang dihadapi negara yang melibatkan rakyat, mesti dihadapi dan di atasi bersama oleh Kerajaan dan rakyat. Jangan biarkan keadaan meruncing dan bertambah buruk kerana kalau dibiarkan krisis ini berlarut, bermacam-macam keadaan akan berlaku dan anasir-anasir subversib akan mempergunakan krisis ini, untuk merosakkan negara dan mengancam kepentingan rakyat.

Selanjutnya

21. Mulai hari ini, kita melancarkan kempen Anti-Sorok. Tugas dan peranan setiap rakyat dalam kempen ini telah saya jelaskan. Apa yang dikehendakki ialah maklumat mengenai sebarang perbuatan menyorok barang, besar *dan* kecil. Kerajaan menyediakan hadiah-hadiah untuk maklumat-maklumat yang ^{boleh} menyebabkan terampasnya barang-barang kawalan itu. Saya harap, bagi pihak rakyat yang merasakan tindasan dari perbuatan jahat ini, jadikanlah hadiah-hadiah wang tunai yang diberikan oleh Kerajaan itu sebagai satu tarekan dan minat mencari penyorok-penyorok barang. Disamping itu, jadikanlah juga, kesedaran, dan kesetiaan saudara-saudara terhadap negara bagi mendapatkan gulungan penyorok barang yang khianat itu.

22. ... Saya telah mengarahkan supaya pembayaran wang hadiah hendaklah diberikan serta merta berdasarkan kejayaan rampasan barang tersebut. Sungguhpun jumlah hadiah itu telah ditetapkan antara \$500 dengan \$5,000, tetapi hadiah yang lebih besar akan diberi bergantung ^{pada} jumlah dan nilai barang yang dirampas itu serta kejayaan yang kita capai.

Saudara-saudara sekalian,

23. ... Pada masa ini timbul kegiatan pelajar kita dalam politik negara. Saya telah menyatakan bahawa golongan muda dan terpelajar hendaklah diakui sebagai tenaga

yang patut disalurkan ke arah pembangunan negara. Pada peringkat ini kita memerlukan pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengurangkan berpolitik. Seruan ini sesuai dengan kepentingan nasional. Orang-orang yang berkata pelajar mesti cergas berpolitik serupalah juga dengan orang yang ^{mahukan} kita mesti mempunyai kebebasan penuh seperti di Barat. Di Barat, pelajar berpolitik dan negaranya tidak kerugian sebab negara mereka telah terdiri beratus tahun, sistem politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial yang kuat.

24. .. Akan tetapi kita sedang membangun, kita harus mempunyai ahli dan pakar dalam tiap bidang ilmu pengetahuan.

Kita bekejaran dengan masa kerana kalau kita terlepas peluang sekarang, peluang itu tidak akan datang lagi. Sebab itulah kita mahu pelajar-pelajar kita cepat-cepat menuntut ilmu. Kemudian berpolitiklah dan gantilah tempat pemimpin-pemimpin sekarang lima tahun atau sepuluh tahun akan datang. Kita hendaklah menetapkan sistem priority kita, mengutamakan yang lebih afdal.

Saudara-saudara,

25. Sesuai dengan tujuan konvensyen ini, inginlah saya memberikan sedikit pesanan mengenai pimpinan parti diperingkat negeri, bahagian dan cawangan serta perhubung^{an} dengan rakyat dan

apa pula sikap yang patut diambil terhadap .. pemimpin yang tidak jujur. Apa yang kita harapkan dari tokoh-tokoh parti ialah memberi pimpinan dalam sebarang krisis yang menghadapi rakyat seperti inflasi. Inilah peranan parti dan tanggungjawab pemimpin. Dalam sebarang keadaan yang mendesak, mereka mestilah memberi petunjuk dan pimpinan. Bukan nasihat tetapi amalan, dengan contoh, dengan perbuatan. Parti menjadi penghubung antara Kerajaan dengan rakyat. Kalau tanggungjawab ini tidak diselenggara dengan baik dan licin, jurang atau "communication gap" antara rakyat dan kerajaan akan menjadi lebar. Akibatnya, kita menjalankan tindakan yang tidak cocok dengan kehendak rakyat. Lebih burok lagi,


rakyat akan bosan dan mencari pimpinan lain atau pimpinan baru dan mungkin dari gulungan yang tidak setia kepada sistem politik negara kita. Jauhilah keadaan ini.

26. ~~Sebagai~~ penutup, saudara-saudara saya telah menyebutkan baru-baru ini mengenai sebahagian kecil pemimpin parti kita yang mementingkan diri serta menggunakan kedudukan dalam parti dan kerajaan bagi faedah dan kemewahan sendiri. Saya telah menyatakan bahawa nasib mereka ini adalah ditangan saudara-saudara. Bertindaklah dengan tenang dan bijaksana sesuai dengan keinginan kita mempunyai parti yang kuat dan tegoh serta pemimpin yang jujur, bersih dan penuh dedikasi.

Sebagai penutup, saudara saudara sekalian, saya inginlah memberi pandangan sedikit mengenai perkembangan di Kelantan. Saya menampak bahwa satu zaman baru telah pun bermula di negeri ini yang memberikan kita pengharapan yang penuh yakin penuh optimism. Dari gambaran rancangan pembangunan yang akan berjalan dan di rancangkan, saya menampak harapan besar negeri ini membangun telah mula cerah. Saya yakin, dengan semangat kerjasama yang timbul, dengan keyakinan kita untuk membangun negara menjadi sebuah negara yang makmur dan rakyatnya ^{berjaya} sejahtera akan dapat tercapai. Oleh yang demikian, kita akan berusaha mengadakan iklim yang lebih baik, mengatasi masalah yang disebabkan oleh kekerohan dimasa lepas untuk membena sebuah negeri Kelantan yang makmur untuk penduduknya. Tugas kita, tugas parti kita ialah berusaha memberikan kerjasama bagi menuju tujuan murni itu.

27. Dengan harapan, ingatan, dan pandangan inilah saya dengan sukacitanya meresmikan Konvensyen UMNO Negeri Kelantan dan semoga kita sentiasa mendapat Taufiq dan Hidayah dari Tuhan.

Terimakasih.





No Siri 593
No Penerimaan 103/79